

14/05/2001

Rakyat bersekongkol spekulator dibidas

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelbagai pihak membidas segelintir rakyat yang bersekongkol dengan spekulator mata wang asing yang cuba mengaut keuntungan mudah dengan mengharapkan kerajaan menilai semula tambatan ringgit kepada dolar Amerika.

Golongan itu, kata mereka, tidak mengambil kira kestabilan ekonomi dan mudah terpengaruh dengan khabar angin.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Siva Subramaniam, berkata Malaysia mudah diserang spekulator mata wang kerana sebilangan besar rakyat mudah mempercayai khabar angin.

"Sampai bila kita mahu diserang oleh kuasa luar? Malaysia sememangnya terbukti sebagai negara yang mempunyai ekonomi kukuh berbanding negara membangun lain.

"Sepatutnya, kita menyokong dan yakin ekonomi negara. Bukannya bersama-sama kuasa asing merencanakan segala apa yang kita sudah capai hari ini," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan niat jahat spekulator mata wang asing dan tempatan merosakkan ekonomi negara dengan menyebarkan khabar angin kononnya nilai Ringgit Malaysia (RM) akan diturunkan bagi mengaut keuntungan mudah.

Khabar angin yang memuncak bulan lalu, kononnya tambatan ringgit iaitu RM3.80 untuk setiap dolar Amerika akan diturunkan kepada RM4.20 setiap dolar Amerika.

Sementara itu, Naib Presiden Dewan Perniagaan dan Perdagangan Melayu Malaysia, Syed Amin Al-Jeffri, berkata ahli perniagaan tidak harus menggadaikan kejayaan dikecapi negara hanya kerana ingin mendapat keuntungan melalui spekulasi mata wang.

"Memang benar mereka mungkin mendapat untung tetapi negara kita akan menanggung kerugian dan bila negara rugi, kita (ahli perniagaan) juga akan turut merasainya," katanya

Syed Amin mendakwa ramai yang terpedaya dengan khabar angin itu sehingga ada yang sanggup menyimpan dolar Amerika di luar negara.

"Bila ramai simpan dolar Amerika di luar, sudah tentu rizab dolar Amerika menjadi sedikit. Ini satu gejala tidak sihat terutama jika spekulator itu terdiri daripada spekulator tempatan," katanya.

Sementara itu, mengenai dakyah kesatuan sekerja asing, Siva berkata, kesatuan sekerja tempatan tidak terpengaruh dengan hasutan dengan membuat tuntutan keterlaluan terhadap majikan.

Ini kerana, katanya, amalan demokrasi kesatuan sekerja di Malaysia adalah antara yang terbaik, berbanding negara barat.

"Kesatuan sekerja di sini boleh bergerak bebas. Malah, kita boleh mengadakan perbincangan mengenai apa juga isu dengan pemimpin-pemimpin tertinggi negara. Perkara ini tak dapat dilihat di negara Barat.

"Jadi, amalan demokrasi di sini lebih baik dan kerana itulah, menjadi tanggungjawab pemimpin kesatuan sekerja memberi penuh sokongan kepada kerajaan," katanya.

Semalam, Perdana Menteri turut mengingatkan pekerja dan pemimpin kesatuan sekerja agar tidak mudah terpedaya dengan dakyah rakan asing mereka di negara maju yang membuat tuntutan keterlaluan terhadap majikan.

Mengenai cara berpiket yang ingin dijalankan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) apabila tidak berpuas hati dengan sesuatu isu, Siva berkata:

"Kita ada hak untuk piket tetapi setengah tindakan itu perlu difikirkan semula," katanya.

(END)